

14 JAN 2003

NAM-Afghanistan (Bergambar)/I

AFGHANISTAN BANGKITKAN ISU KEGANASAN DAN PEMBINAAN SEMULA DI NAM KL

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Setelah muncul semula dari peperangan selama 20 tahun dan konflik dalaman, Afghanistan dijangka mengambil bahagian secara aktif dalam Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13, dengan membangkitkan isu-isu termasuk keganasan dan penyertaan masyarakat antarabangsa dalam proses pembinaan semulanya yang sedang berjalan.

Ketua Perwakilan kedutaan Afghanistan di Malaysia Amanullah Jayhoon berkata negaranya juga akan turut menyentuh mengenai masalah global lain yang membabitkan negara-negara membangun seperti globalisasi, kemiskinan dan perdagangan.

Jayhoon berkata Afghanistan dijangka akan diwakili oleh peringkat tertinggi kerajaan pada mesyuarat enam hari yang dijadualkan dari 20 hingga 25 Feb ini.

"Kami akan mengambil bahagian secara aktif dan berharap ketua negara kami (Presiden Hamid Karzai) akan berada di KL (untuk Sidang Kemuncak NAM). Sebab jika NAM tidak membantu, mungkin kami akan kembali kepada keadaan asal," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di pejabatnya di sini.

Jika kehadiran Karzai pada Sidang Kemuncak NAM menjadi kenyataan, ini merupakan mesyuarat utama yang pertama dihadapinya di luar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sejak menjadi presiden Jun lepas.

Pemimpin berusia 44 tahun itu pada mulanya dinamakan sebagai pemimpin sementara negara berkenaan selama enam bulan selepas penyingkiran Taliban pada November 2001 berikutan kempen yang diketuai Amerika Syarikat selepas serangan 11 Sept.

Pada Jun tahun lepas, Karzai dipilih presiden Afghanistan bagi tempoh dua tahun oleh Loya Jirga atau Majlis Utama -- sebuah perhimpunan tradisi pemimpin puak Afghanistan.

Afghanistan, dahulunya pangkalan bagi aktiviti keganasan pergerakan Al-Qaeda dengan sokongan pemerintah Taliban yang kini disingkirkan, masih memerangi saki baki Al-Qaeda dan Taliban sementara bekerja keras untuk membina semula negara berkenaan.

Antara US\$15 billion dan US\$20 billion diperlukan bagi pembinaan dan pemulihan semula negara itu dalam masa 10 tahun akan datang.

Pada mesyuarat sempena Persidangan Antarabangsa mengenai Bantuan Pembinaan Semula Kepada Afghanistan di Tokyo pada Januari 2002 yang dihadiri 61 negara termasuk Malaysia dan Kesatuan Eropah serta badan antarabangsa, kira-kira US\$4.5 billion dijanjikan dengan US\$1.8 billion daripadanya telah ditunaikan.

Malaysia sudahpun memenuhi janjinya sebanyak US\$500,000.

Semasa menjawab soalan, Jayhoon berkata Afghanistan menghadiri semua Sidang Kemuncak NAM, meskipun dalam tempoh pendudukan Soviet Union dan semasa pemerintahan Taliban.

Afghanistan sendiri suatu ketika dahulu merupakan mangsa persaingan Perang Dingin. Pendudukan Soviet antara 1979-1989 mengakibatkan kematian kira-kira 1.5 juta orang dan berjuta-juta orang lagi menjadi pelarian manakala perang saudara semasa pemerintahan Mujaheddin (1992-Sept 1996) menghasilkan 50,000 lagi kematian.

Ketika itu, Presiden Professor Burhanuddin Rabbani, kerajaan Afghanistan yang diiktiraf Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu semasa pemerintahan Taliban, mengetuai delegasi Afghanistan ke Sidang Kemuncak NAM di Durban, Afrika Selatan pada September 1998.

Afghanistan, sebuah anggota pengasas NAM, menghadiri Persidangan negara-negara Asia dan Afrika di Bandung, Indonesia pada April 1955 dan turut menyertai Sidang Kemuncak NAM yang pertama di Belgrade, Yugoslavia pada September 1961.

Delegasi Afghanistan ke persidangan Bandung yang membuka laluan bagi pembentukan NAM diketuai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar ketika itu, Sardar Mohammed Naim Khan dan sidang kemuncak di Belgrade oleh Perdana Menteri pada masa itu Sardar Mohammed Daud.

"Selain menghadiri sidang kemuncak, beliau (Presiden Karzai) akan mengambil kesempatan mengadakan pertemuan dua hala dengan para pemimpin Malaysia dan pemimpin-pemimpin dari negara-negara lain," kata Jayhoon.

Jayhoon, iaitu pembantu Rabbani semasa Sidang Kemuncak NAM di Jakarta pada 1992, juga mengakui peranan aktif yang dimainkan oleh anggota-anggota NAM termasuk Malaysia dalam beberapa mesyuarat NAM bagi menentang pendudukan Soviet dan mengembalikan keamanan ke negara Asia Tengah itu yang mempunyai kira-kira 22 juta penduduk.

NAM, yang kini mempunyai 114 anggota, dibentuk pada kemuncak Perang Dingin oleh negara-negara yang ingin bebas dari pengaruh Blok Barat yang diketuai Amerika Syarikat dan Blok Timur yang dikuasai Soviet Union ketika itu.

Mengenai kepimpinan Malaysia berkaitan NAM, Jayhoon berkata beliau yakin Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memacu pergerakan itu bagi mencapai matlamatnya dan memainkan peranan positif dalam memperjuangkan kepentingan negara-negara membangun dan Dunia Ketiga.

Beliau berkata meskipun peranan NAM telah banyak berubah dalam era selepas Perang Dingin dan dalam dunia unipolar, pergerakan itu amat berkaitan dalam mencari penyelesaian kepada pelbagai masalah global seperti keganasan dan membasmi kemiskinan.

"Masih terdapat banyak masalah (yang melingkungi anggota-anggota NAM) (tetapi) dengan satu suara, kerjasama dan kemuafakatan semua masalah ini boleh diselesaikan," kata Jayhoon yang mengetuai perwakilan itu sejak lima bulan lepas setelah bekas duta Abdul Sattar Murad dilantik ke jawatan baru.

Untuk berita-berita berkaitan NAM, sila layari www.nam2003.com.

-- BERNAMA

RV AZZ ROS